



MEMO
PEJABAT PENGARAH
HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II
15586 KOTA BHARU, KELANTAN

Rujukan : HRPZII: 200-6/3/1 Jld.2 Bil (4)
Tarikh : 17 Februari 2020

| | |
|----------------|--|
| Kepada | Seperti Senarai Edaran |
| Daripada | Dato' Pengarah |
| Salinan Kepada | Timbalan Pengarah (I) Timbalan Pengarah (II) Timbalan Pengarah (III) Timbalan Pengarah (Pengurusan) Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan) Syarikat Hazni Protections & Preventions Sdn. Bhd. - Sila laksanakan Penguatkuasaan. Unit Teknologi Maklumat -Mohon Kemaskini Ke dalam Portal HRPZ II |
| Perkara | LARANGAN MASUK/MELAWAT BAGI KANAK-KANAK 12 TAHUN KE BAWAH DI HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II. |

YBhg Dato' /Datin/ Tuan/ Puan

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas;

2. Sepertimana pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum bahawa, **Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II** bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut mendapat penyakit-berjangkit dan kecederaan di luar jangka.

3. Arahan ini juga terguna pakai kepada staf HRPZ II iatu tidak membawa anak masing-masing ke wad. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran kepada arahan ini, maka tindakan tatatertib boleh diambil.

4. Sehubungan itu, mohon pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan memanjangkan perkara ini kepada pegawai seliaan masing-masing. Peraturan dan pelaksanaan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh memo ini dikeluarkan. Sokongan dan perhatian pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


(DATO' DR. HJH SELASAWATI BT HJ. GHAZALI)